



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“AMALAN MUDAH – PAHALA MELIMPAH”

13 Oktober 2023 / 27 Rabiul Awal 1445

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الْقَائِل

﴿ الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيمًا وَقُعُودًا وَعَلَى جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ ﴾

﴿ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطِلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴾ (١٩)

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيهِمْ وَإِيَّاهُ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita memperteguh iman dan takwa ke hadrat Allah SWT, mentaati segala suruhan serta menjauhi setiap larangan Nya; menyucikan hati - mengikhlaskan niat, memperbanyak zikrullah, memperelok amal dan akhlak, mudah-mudahan mendapat taufik dan hidayah Nya untuk terus beroleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Mimbar akan memperdengarkan khutbah bertajuk: “AMALAN MUDAH – PAHALA MELIMPAH”

Allah SWT mencipta manusia sebagai sebaik-baik kejadian dengan dilimpahi rahmat serta kasih sayang. Maha Suci Allah, menjadikan setiap amalan atau kebaikan yang dilakukan oleh hamba Nya, walaupun seberat zarah, dijamin akan dilimpahi ganjaran pahala. Ummah yang bijak akan memanfaatkan usia, masa dan tenaga untuk beramal soleh, mengingatkan hati dan menghampirkan diri dengan Allah SWT tanpa terikat dengan waktu, tempat atau suasana. Ummah yang berusaha mengingati dan menghampiri Allah merupakan ummah yang terpuji, selaras dengan firman Allah SWT melalui ayat 191 surah Ali Imran yang khatib bacakan pada awal khutbah;

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



Bermaksud: “(laitu) orang yang menyebut dan mengingati Allah ketika berdiri, duduk atau dalam keadaan berbaring dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (lalu berkata): “Wahai Tuhan kami, tidaklah Engkau menciptakan benda-benda ini dengan sia-sia. Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami daripada azab api neraka”.

Perkembangan teknologi yang semakin canggih telah menghasilkan pelbagai ciptaan sama ada berbentuk fizikal atau perisian yang membolehkan ummah lebih mudah melakukan ibadah. Al-Quran digital, tasbih digital, pembayaran zakat dan sumbangan wakaf serta sedekah dalam talian dan pelbagai kaedah ibadah lagi, merupakan contoh-contoh peluang beribadah boleh dilakukan dengan lebih mudah, bahkan menjadi daya penarik kepada ummah berupaya untuk memperelok dan meningkatkan amalan-amalan ibadah.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Ummah kadangkala merasakan memiliki masa yang terhad untuk melakukan ibadah. Namun, ummah perlu sedar, bahawa terdapat amalan-amalan ibadah yang boleh dilakukan serentak atau seiring ketika sedang melakukan kerja-kerja lain, seperti semasa memandu, semasa berada dalam kenderaan, atau semasa bermusafir, memasak, menjahit, berkebun, beriadah; begitu juga semasa menantikan giliran mendapat rawatan, layanan khidmat dan hidangan makanan. Antara amalan-amalan ibadah yang boleh dilakukan secara serentak atau seiring ialah;

Pertama; Mendengar, membaca atau menghafal al-Quran.

Al-Quran ialah kitab yang mengandungi pelbagai panduan hidup; diberikan ganjaran kebaikan berlipat ganda kepada sesiapa juga yang mendengar, membaca dan menghafal ayat-ayat al-Quran, berpandukan hadis Baginda SAW yang diriwayatkan Abdullah bin Mas'ud RA:

مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِّنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ ، وَالْحَسَنَةُ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا ، لَا أَقُولُ الْمَحْرُفَ وَلَكِنْ أَلِفٌ حَرْفٌ وَلَا مُ حَرْفٌ وَمِيمٌ حَرْفٌ

Bermaksud: “Sesiapa yang membaca satu huruf daripada al-Quran maka baginya satu kebaikan; satu kebaikan menyamai 10 gandaan. Tidaklah aku katakan الم itu satu huruf. Bahkan Alif satu huruf, Lam satu huruf dan Mim satu huruf.”

(Hadis Riwayat At-Tirmizi)



Kini, membaca al-Quran boleh dilakukan melalui *Quran Pintar* (atau *Smart Quran*), iaitu aplikasi mudah alih al-Quran yang mendapat kelulusan Lembaga Kawalan dan Pelesenan Percetakan Al-Quran, Kementerian Dalam Negeri, yang disediakan terjemahan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris serta suara bacaan daripada imam-imam yang masyhur.

Kedua; Berzikir.

Berzikir merupakan ibadah yang paling utama setelah ibadah fardu. Ummah dianjurkan untuk sentiasa berzikir berpandukan hadis yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim, ucapan سُبْحَانَ اللَّهِ وَبِحَمْدِهِ وَسُبْحَانَ اللَّهِ الْعَظِيمِ (Maha Suci Allah dan segala puji bagi Nya, Maha Suci Allah Yang Maha Agung) adalah kalimah yang ringan dan mudah diucapkan lidah, tetapi berat timbangannya di sisi Allah SWT.

Ketiga; Beristighfar.

Allah SWT menyukai hamba Nya yang beristighfar memohon keampunan; mereka akan diganjari kebaikan, dimurahkan rezeki serta dilapangkan jalan keluar bagi setiap masalah yang dihadapi.

Keempat; Membaca Surah al-Ikhlas.

Surah al-Ikhlas ialah surah yang pendek, mudah dihafal dan mudah diingati. Nabi SAW mengibaratkan surah ini seumpama satu pertiga al-Quran; surah yang apabila dibaca, akan memperkuuhkan keyakinan tauhid kepada Allah SWT.

Kelima; Berselawat ke atas Baginda Nabi SAW.

Selawat yang dibacakan kepada Baginda SAW akan sampai kepada Baginda sendiri sebagaimana sabda Baginda:

وَصَلُّوا عَلَيَّ فَإِنَّ صَلَاتَكُمْ تَبْلُغُنِي حَيْثُ كُنْتُمْ

Bermaksud: Dan berselawatlah ke atas ku, sesungguhnya selawat mu itu akan sampai kepada ku di mana jua kamu berada. (Hadis Riwayat Abu Daud)

Keenam; Bersedekah.

Bersedekah tidak diukur melalui banyak atau sedikit nilai yang diberi kerana Nabi SAW bersabda bahawa bersedekah walaupun sedikit seperti sebiji kurma, mampu menjauhkan diri manusia daripada api neraka. Mereka yang sering bersedekah, diberikan khabar gembira bahawa mereka akan dipanggil masuk ke syurga



melalui pintu sedekah. Pelbagai kaedah telah diperkenalkan untuk memudahkan amalan bersedekah melalui kaedah dalam talian, antaranya; Sistem Wakaf Perak Ar-Ridzuan, Program Mumtaz, dan Dana Pembangunan Maahad Tahfiz.

Ketujuh; Berdoa.

Sabda Rasulullah SAW bermaksud:

“Tidak ada seorang Muslim pun yang mendoakan kebaikan bagi saudaranya (sesama Muslim) yang berjauhan (tanpa pengetahuannya), melainkan Malaikat akan mendoakannya untuknya: “Dan bagi mu kebaikan yang sama”. (Sahih Muslim)

Antara doa yang boleh dilakukan, adalah mendoakan keampunan dan rahmat untuk ibu bapa dan guru-guru, doa kebaikan ahli keluarga, jiran tetangga dan sahabat handai.

Jemaah yang dimuliakan,

Islam ialah agama yang sempurna. Tanggungjawab yang diamanahkan kepada setiap hamba, setimpal dengan kemampuan dan keupayaannya. Setiap perintah dan suruhan Nya hanyalah untuk kebaikan hidup di dunia dan di akhirat. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “agama itu mudah”. Manusia dinilai oleh Allah dari pelbagai sudut untuk dikurniakan ganjaran rahmat Nya. Rahmat Allah SWT sangatlah luas, hatta amalan sebesar zarah pun mempunyai nilai yang tinggi di sisi Nya. Kerana itu, ummah wajib mengambil peluang melakukan amalan-amalan baik, dengan hati yang bersih dan niat yang jujur, mengabdikan diri semata-mata dan sepenuhnya untuk mendapat keredaan Allah Azzawajalla. Amat rugi sekiranya amalan-amalan mudah yang memberikan limpahan pahala, dibiarkan begitu sahaja.

**بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمِ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.**



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَن لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! إِتَّقُوا اللَّهَ وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَكِتِيَّتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَاهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُوْأَ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَحِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَنِيهِمْ
وَالْأَفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمْ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ⁶.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin! Bimbing kami untuk sentiasa melakukan amalan soleh agar usia dan tenaga kami dimanfaatkan pada perkara yang mendatangkan kebaikan. Terimalah amalan dan ibadah yang kami laksanakan agar dengannya kami berjaya meraih reda, rahmat dan syurga Mu.

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الْأُخْرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ أُثَارٍ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَإِذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

Kepada: Imam/Khatib bertugas

PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT

Para tetamu rumah Allah yang saya muliakan, Majlis Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Negeri Perak 2023 akan berlangsung pada 14 Oktober 2023, hari sabtu bertempat di Bulatan Sultan Azlan Shah Meru Raya, Ipoh yang akan dirasmikan oleh YAB Dato' Haji Saarani Bin Haji Mohamad, Menteri Besar Perak.

Pelbagai aktiviti sukan dan aktiviti menarik disediakan untuk para pengunjung, antaranya:

1. Fun Ride
2. Pink Oktober Fighterfun Run
3. Fun Walk 1,500 Langkah Perpaduan
4. Senamrobik
5. Futsal 3 On3
6. Bola Jaring 3 On 3
7. Seni Mempertahankan Diri
8. Rekreasi Dan Tradisi
9. Catur
10. Karom
11. Pemeriksaan Kesihatan

Dan pelbagai lagi aktiviti-aktiviti sihat yang menanti para pengunjung. Anda dijemput untuk sama-sama meraikan program ini di Bulatan Sultan Azlan Shah Meru Raya, Ipoh pada 14 Oktober 2023, sabtu ini.